



ANWAR Ibrahim menerima kunjungan Retno Marsudi (kiri) di Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - FACEBOOK ANWAR IBRAHIM

Hak asasi, kebajikan pekerja Indonesia dilindungi

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aيمان.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia memberi jaminan untuk kekal komited meningkatkan perlindungan hak asasi dan kebajikan lebih 500,00 pekerja Indonesia di negara ini.

Jaminan tersebut disuarakan Perdana Menteri semasa menerima kunjungan Menteri Luar Negeri Indonesia, Retno Marsudi di Perdana Putra, semalam.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau mengadakan perbincangan bersama Retno

selama 30 minit meliputi pelbagai perkara termasuk hubungan Malaysia-Indonesia dan isu Palestin.

"Malaysia dan Indonesia sepakat memberikan sokongan teguh pada perjuangan menuntut keadilan buat rakyat Gaza serta penerimaan Palestin sebagai anggota penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Menyentuh isu sempadan Malaysia-Indonesia, kami senada mempergiat usaha dan perbincangan bagi mencapai kesepakatan dan penyelesaian menang-menang khususnya

membabitkan sempadan Sabah-Kalimantan Utara yang sedang dimuktamadkan," katanya.

Mengulas mengenai isu tangkapan bot nelayan membabitkan warga Malaysia dan Indonesia, Anwar berkata, kedua-dua negara bersetuju untuk menghormati proses perundangan yang berjalan.

"Sebarang perbincangan atau permohonan adalah tertakluk pada ketetapan dalam memorandum persefahaman (MoU) garis panduan umum," katanya.

Beliau menjelaskan, perbin-

cangan lanjut turut membabitkan krisis kemanusiaan yang membimbangkan di Myanmar.

"Saya nyatakan kesediaan Malaysia bekerjasama dengan Indonesia dan Laos bagi memastikan kesinambungan dalam usaha menyelesaikan krisis serta meneroka penyelesaian damai.

"Saya juga hargai perkongsian Ibu Retno mengenai pengalaman Indonesia mempekeruskikan ASEAN. Ia tentunya menjadi panduan berguna tatkala Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN, tahun depan," katanya.